



KEJOHANAN TENIS BERPASUKAN ANTARA KOMUNITI 2026 (Fact Sheet)

TUJUAN PERTANDINGAN :

- Menggalakkan penglibatan semua komuniti dalam sukan tenis serta mempopularkannya sebagai salah satu sukan yang digemari ramai. Usaha ini bukan sahaja mengeratkan silaturahim, malah memperkukuh semangat perpaduan, toleransi, dan keharmonian dalam kalangan masyarakat di Sarawak tanpa mengira pangkat, kedudukan, atau latar belakang.

PERATURAN PERTANDINGAN

1. **Pengelola** Persatuan Tennis Bumiputera Sarawak
2. **Tarikh** 10 – 12 Julai 2026, **bermula jam 5.30 petang pada 10 Julai 2026**
3. **Tempat** Persatuan Tennis Bumiputera Sarawak (PTBS), Kuching
4. **Kategori Acara** Berpasukan 25 Tahun Keatas
5. **Tarikh Tutup** 8 Julai 2026 (Rabu) @ 5.30 petang
6. **Kelayakan**
 - 6.1. Terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 25 tahun keatas mengikut komuniti kaum: Iban, Melayu, Cina, Bidayuh, Melanau, Sabah/Semenanjung, Orang Ulu & Eurasian/India/dll.
7. **Format**

7.1. ACARA BERPASUKAN

- 7.1.1. Setiap pasukan perlu mendaftar minimum 6 orang dan maksimum 8 orang pemain termasuk Pengurus/Jurulatih.
- 7.1.2. Pemain hendaklah berumur 25 tahun dan keatas pada 2026.
- 7.1.3. Seseorang pemain hanya dibenarkan bermain sekali sahaja untuk satu-satu perlawanan.
- 7.1.4. Tiga (3) beregu untuk acara ini. Susunan perlawanan seperti berikut :-
 - 7.1.4.1. **Beregu Pertama (Kumpulan umur 60 tahun keatas)**
Kedua-dua pemain mesti berumur 60 tahun keatas yang lahir pada atau sebelum 1966
 - 7.1.4.2. **Beregu Kedua (Kumpulan umur 50 tahun keatas)**
Kedua-dua pemain mesti berumur 50 tahun keatas yang lahir pada atau sebelum 1976
 - 7.1.4.3. **Beregu Ketiga (Kumpulan umur 25 tahun keatas)**
Kedua-dua pemain mesti berumur 25 tahun keatas yang lahir pada atau sebelum 2001

7.1.5. Pasukan menang akan mendapat 3 mata dan kalah 0 mata.

7.1.6. Format pertandingan peringkat kumpulan adalah **"Base of 8 game proset. 8-8 games all, 7 points tie-break**. Separuh akhir & akhir **"Base of 2 tie-break sets"** Final set – 10 points match tie-break. **No add scoring**.

7.1.7. Pertandingan adalah secara Liga 2 Kumpulan. 2 pasukan teratas layak ke Separuh Akhir. 2 pasukan terbawah ke separuh akhir **"LOSER POOL"**.

8. **Peraturan (Rules)** Pertandingan dilaksanakan sesuai dengan peraturan ITF termasuk **'Code of Conduct'** yang dikuatkuasakan oleh penganjur dari semasa ke semasa.

9. **Yuran Penyertaan** **RM 100.00 / Pasukan**

10. **Bola** Tecnifibre

11. **Hadiah** **Piala Pusingan & Hadiah Sampingan** seperti berikut :

Johan	RM 1500.00 + Piala Pusingan + 8 Pingat
Naib Johan	RM 1000.00 + 8 Pingat
Ketiga	RM 600.00 + 8 Pingat
Keempat	RM 400.00 + 8 pingat
Johan (Loser Pool)	RM 250.00 + 8 pingat
Naib Johan (Loser Pool)	RM 150.00 + 8 Pingat

12. **Undian dan Mesyuarat** 9 Julai 2026 (Khamis) @ 7.30 malam di PTBS
Pengurus Pasukan (Semua Pengurus Pasukan @ wakil **DIWAJIBKAN** hadir)

13. **Jawatankuasa Pengelola**

Jawatankuasa Penganjur berhak mengubah sebarang syarat dan peraturan yang terdahulu untuk tidak menerima atau menolak sebarang penyertaan tanpa penjelasan.

14. **Borang Penyertaan** Borang penyertaan akan diedarkan kepada wakil setiap kaum yang telah ditetapkan oleh penganjur.

15. **Referee** ENCIK AMIN BIN TAMEL (012 – 4636755)

16. **Pen. Referee** ENCIK RAWI BIN NORSHIDI (016 – 8061343)

17. **Fasiliti** ENCIK MOHAMMAD AIDDIL BRAHIM (014 – 7812306)

Catatan:

- ❖ Sebarang perkara yang tidak tercatat di dalam peraturan pertandingan, pihak penganjur berhak menentukannya. Segala keputusan adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.